

Penggunaan Kata Emotif dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Malaysia Sempena Hari Kebangsaan

Aminnudin Saimon
deanamin@iium.edu.my

International Islamic University Malaysia, Selangor, MALAYSIA

Published: 21 December 2022

To cite this article (APA): Saimon, A. (2022). Penggunaan Kata Emotif dalam ucapan Hari Kebangsaan oleh Perdana Menteri Malaysia. *PENDETA*, 13(2), 25–40. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.3.2022>

ABSTRAK

Bahasa emotif ialah pilihan kata yang digunakan untuk membangkitkan emosi dan bertujuan untuk menimbulkan kesan (tindak balas emosi) kepada khalayak. Perkataan yang digunakan boleh berbeza bagi menimbulkan reaksi yang berbeza dalam kalangan khalayak. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat penggunaan kata emotif dalam perutusan hari kebangsaan oleh Perdana Menteri Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kata emotif menggunakan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks yang memanfaatkan Model Penilaian Martin, J. R dan White, P. R. R. (2005) sebagai landasan teori. Data diperoleh daripada teks ucapan perutusan Perdana Menteri Malaysia yang ke-7 hingga kini, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyidin Yassin dan Dato Sri Ismail Sabri Yaakob. Teks ucapan hanya berfokuskan ucapan perutusan hari kebangsaan. Hasil dapatan menunjukkan setiap Perdana Menteri menghasilkan pelbagai strategi penggunaan bahasa emotif dalam mengeksplorasi emosi rakyat antaranya bahasa emotif pencapaian, kesyukuran dan kesedihan. Selain itu, Perdana Menteri juga mengeksplorasi emosi rakyat supaya ideologi yang dibawa dapat mempengaruhi dan diterima rakyat.

Kata Kunci: Bahasa emotif; perutusan hari kebangsaan; Perdana Menteri; Model Penilaian

ABSTRACT

Emotive language is the choice of words used to evoke emotions and aims to create an effect (emotional response) in the audience. The words used can be different to cause different reactions in the audience. Accordingly, this study was conducted to see the extent of the use of emotive words in the national day message by the Prime Minister of Malaysia. The objective of this study is to analyze emotive words using Martin, J. R. and White's, P. R. R. Appraisal Model (2005). This study uses a text analysis method that utilizes Martin and White's Appraisal Model (2005) as a theoretical foundation. The data is obtained from the text of the 7th Malaysian Prime Minister's messages until now such as Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyidin Yassin and Dato Sri Ismail Sabri Yaakob. The speech text only focuses on the national day message speech. The findings show that each Prime Minister produces various strategies for using emotive language in exploiting the emotions of the people including gratitude, achievement, and sadness. In addition, the Prime Minister also exploits the emotions of the people so that the ideology he brought can influence and be accepted by the people.

Keywords: Emotive language; national day message; Prime Minister, appraisal model

PENGENALAN

Bahasa emotif ialah pilihan kata yang digunakan untuk membangkitkan emosi dan bertujuan untuk menimbulkan kesan (tindak balas emosi) kepada khalayak (Tsitsanoudis-Mallidis, 2018). Penggunaan perkataan emotif yang pelbagai secara tidak langsung menimbulkan reaksi yang berbeza dalam kalangan khalayak. Bahasa emotif yang diaplikasikan ialah perkataan-perkataan yang mempunyai

unsur emosi bagi menimbulkan emosi khalayak (positif atau negatif) di luar makna literalnya dan menyumbang secara signifikan bagi memujuk khalayak untuk menerima pakai pandangan penutur (Absattar, A., Mambetova, M. dan Zhubay, O., 2022). Tujuan penggunaan bahasa emotif adalah untuk menggambarkan realiti, merujuk objek dan menyampaikan perasaan, keinginan dan emosi (Tsitsanoudis-Mallidis, 2018). Sering kali didengari bahawa kata-kata ialah kuasa. Hal ini demikian kerana dengan bahasa yang tepat, pemilihan diksi yang relevan dan pengaplikasiannya yang bersistem akan memberikan kuasa yang penuh kepada penutur bagi mengeksplorasi emosi dan pandangan pendengar. Bahasa boleh menggerakkan manusia, bahasa boleh menakutkan manusia dan bahasa juga boleh memimpin manusia untuk bertindak (Macagno, F dan Walton, D., 2014). Pengeksplorasiannya kata seperti ‘perang’, ‘keamanan’, ‘kematian’, ‘pengganas’ dan ‘keselamatan’ hanyalah beberapa istilah yang jelas membawa pembaca untuk melukis pertimbangan, atau berasa tidak selesa dengan, atau tertarik oleh situasi tertentu (Gschwend, T., 2019). Kebiasaan penutur akan mempengaruhi cara pendengar memandang realiti yang diwakili. Penutur mempengaruhi keputusan pendengar mengenai rujukan dan kuasa emotif kata-kata ini boleh membuat pendengar memahami instrumen yang sangat berkesan untuk mengarahkan dan menggalakkan sikap dan pilihan tertentu (Macagno, F dan Walton, D., 2014).

Dalam ucapan rasmi seseorang pemimpin pastinya banyak menggunakan kepelbagaiannya diksi dan kata bagi mencerminkan ideologi, pemikiran, emosi dan sebagainya (Abd. Ganng Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab. Razak Ab. Karim, 2019). Penggunaan kata-kata beremotif dilihat sering digunakan oleh pemimpin bagi menyampaikan sesuatu perutusan. Penggunaan kata berunsurkan emotif ini secara tidak langsung dapat menarik, memegang dan mengikat pendengar agar mengikuti dan mendengar saranan serta harapan pemimpin. Bagi mencapai agenda dan ideologi setiap pemimpin, hari kebangsaan merupakan satu medium untuk menyampaikan agenda dan ideologi kepada khalayak (Crabtree, Gschwend dan Indridason, 2019). Tujuannya adalah untuk meningkatkan semangat kenegaraan dalam kalangan rakyat. Justeru, kajian ini adalah untuk melihat penggunaan kata-kata emotif dalam teks perutusan hari kebangsaan 2022 oleh Perdana Menteri Malaysia. Penggunaan kata-kata emotif ini sangat memberi kesan terutamanya dalam sesuatu perayaan kerana rakyat akan memberikan pandangan, tumpuan dan penghayatan yang tinggi terhadap hari-hari istimewa sesuatu negara (Gschwend, T., 2019).

PENYATAAN MASALAH

Penggunaan kata emotif sering kali digunakan dalam penulisan maupun ucapan. Kata emotif ini adalah bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran, ideologi, kehendak dan tindakan pendengar. Kata emotif sering digunakan dalam bidang pengiklanan, maklumat, infografik dan sebagainya bagi menarik minat pendengar. Sehubungan itu, penggunaan kata emotif juga sering digunakan oleh ahli politik, Perdana Menteri dan kenamaan bagi menyebarkan fahaman dan ideologi yang perlu dipatuhi pendengar. Hal ini sejajar dengan pandangan Zahraa Adnan Fadhil (2021) yang mengatakan bahawa kata-kata ialah senjata dan alat yang paling berkuasa dalam menyampaikan emosi seseorang. Kata-kata emotif juga dapat mengekspresikan makna emosi penutur melalui kepelbagaiannya reaksi daripada pendengar. Hal ini secara implisit dapat melihat bahawa penggunaan kata emotif bukan sahaja berfungsi sebagai wakil emosi, namun kata emotif berperanan besar dalam mengubah pemikiran, falsafah dan pegangan seseorang melalui permainan bahasa emotif. Bertitik tolak daripada itu, timbul masalah untuk memahami bahasa emotif terutamanya yang melibatkan perutusan Perdana Menteri. Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana penggunaan bahasa emotif dalam perutusan hari kebangsaan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Penggunaan bahasa emotif dilihat sebagai satu bentuk komunikasi yang berpengaruh. Penerapan bahasa emotif dalam perutusan hari kebangsaan dilihat cukup berkepentingan, terutamanya sebagai pemujukan, penyampaian ideologi dan matlamat lain. Namun begitu, kerencaman bahasa emotif dalam perutusan hari kebangsaan dilihat begitu sukar untuk dikenal pasti. Penggunaan bahasa emotif juga sukar untuk dikategorikan mengikut peranannya dalam mengeksplorasi emosi pembaca dan pendengar. Hal ini demikian kerana mesej, ideologi dan tujuan komunikasi sukar difahami dan diperoleh sekiranya pendengar tidak memahami bahasa emotif yang digunakan penutur. Bertitik tolak daripada itu, timbul masalah untuk mengklasifikasi, mengkategorikan bahasa emotif yang digunakan

Perdana Menteri berdasarkan kerencaman penggunaan yang pelbagai. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Absattar, A., Mambetova, M. dan Zhubay, O. (2022) yang mengatakan bahawa penggunaan bahasa emotif memainkan peranan penting dalam penjelasan wahana unsur motif. Penggunaan unsur bahasa emotif dalam penulisan amat penting bagi menimbulkan emosi seperti gembira, cinta, benci dan marah. Begitu juga halnya dengan penggunaan bahasa emotif oleh Perdana Menteri bagi menarik dan meraih sokongan rakyat dalam sesuatu agenda yang dirancang. Justeru, kajian ini dihasilkan adalah berdasarkan isu bahasa yang timbul, iaitu untuk melihat penggunaan perkataan emotif yang digunakan Perdana Menteri Malaysia dalam perutusan hari kebangsaan

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan objektif kajian yang utama, iaitu;

1. Menganalisis penggunaan bahasa emotif dalam perutusan hari kebangsaan oleh Perdana Menteri Malaysia berdasarkan Model Penilaian Martin, J. R dan White, P. R. R. (2005).

SOROTAN KAJIAN

Kajian daripada Zahraa Adnan Fadhil (2021) yang bertajuk *Emotive Language in Political Discourse: A Linguistic Study* mendapati bahawa ahli politik banyak menggunakan bahasa emotif dalam memujuk audien. Kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan bahasa emotif yang digunakan oleh Donald Trump dalam setiap ucapannya sama ada emotif bersifat positif mahupun negatif. Kajian ini mengaplikasikan Model Penilaian Martin, J. R dan White, P. R. R. (2005) sebagai kerangka kerja. Hasil daptatan menunjukkan bahawa ucapan Donald Trump mengandungi unsur motif negatif dan positif. Dapatkan menunjukkan emotif pengadilan (*judgement*) mempunyai nilai tertinggi berbanding bahasa emotif yang lain. Kekerapan penggunaan emotif pengadilan ini adalah sebanyak 40 pengadilan atau 52.45% keseluruhannya. Dapatkan juga menunjukkan bahawa dalam ucapan Donald Trump sering menggunakan elemen emotif negatif dalam setiap ucapannya berbanding emotif positif. Penggunaan elemen emotif negatif dilihat terarah kepada penolakan berkaitan parti politik dan keadaan politik kerajaan. Antara kata emotif yang digunakan dalam ucapan Donald Trump ialah *unhappiness, misery, heartbreak, devastation* dan *affection*.

Hamdi Khalis Kadri, Nidana Yahya dan Faranaz Khalib (2020) menjalankan kajian yang bertajuk *Emotive Language in Online News: The Case of Awani News Channel* mendapati bahawa penggunaan kata-kata emotif dalam penulisan berita merupakan satu strategi yang biasa dalam penulisan laporan berita. Tujuannya adalah sama, iaitu untuk menarik pendengar untuk terus mengikuti siaran dan juga saluran TV. Objektif kajian ini adalah untuk mengupas penggunaan kata-kata emotif dalam laporan berita oleh Berita Awani. Data diperoleh berdasarkan berita-berita tular yang disiarkan di media sosial seperti Twitter. Berdasarkan daptatan, penyelidik mendapati bahawa Berita Awani mampu untuk mengekalkan objektif penyiaran berita dalam artikel berita dan bukannya hanya pada tajuk. Walau bagaimanapun, terdapat juga artikel berita yang mengeksplotasi penggunaan kata emotif secara berlebihan dalam laporannya. Daripada 14 berita artikel yang dianalisis, terdapat 13 tajuk yang secara jelas menggunakan kata-kata emotif dan 32 kata-kata emotif dalam berita artikel. Namun, penggunaan kata-kata emotif dalam berita artikel bukan hanya terdapat dalam berita artikel, terdapat juga sembilan kata-kata atau frasa emotif. Sebagai contoh kata emotif yang digunakan ialah gagal, ingkar, mohon, tahap kritikal, mohon maaf, tiada rancangan, perbualan hangat dan perlu jawatan. Di samping itu, terdapat juga berita artikel yang langsung tidak mengandungi kata-kata atau frasa emotif.

Berdasarkan sorotan yang diberikan, penggunaan kata emotif sering digunakan dalam pelbagai medium seperti berita, akhbar dan sebagainya. Jika diperhatikan dari sudut bahan, secara jelasnya kajian yang memfokuskan ucapan hari kebangsaan belum diteroka dengan mendalam. Justeru, perkaitan antara kajian yang disorot di sini adalah bertujuan untuk memberikan idea dan sumbangan dalam konteks kajian ini.


METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Data kajian dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Perdana Menteri yang memfokuskan teks ucapan dari tahun 2019 hingga 2022, iaitu ucapan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd. Yassin dan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Pemilihan tahun yang dinyatakan adalah kerana sepanjang tahun tersebut merupakan tahun bergolak bagi politik Malaysia. Sepanjang tahun tersebut, sebanyak tiga orang Perdana Menteri dilantik sehingga menyebabkan rakyat mengalami kecelaruan ideologi. Justeru, pemilihan tahun dan data tersebut amat sesuai disebabkan oleh perubahan tumpuk kepimpinan kerajaan yang membawa pelbagai agenda dan perbaasan. Data kajian dianalisis berdasarkan kerangka teoretis. Kajian ini mengaplikasikan model penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005). Pemfokusan ini bertujuan untuk memberikan usaha penuh terhadap penelitian bahasa emotif yang dihasilkan Perdana Menteri Malaysia dalam perutusan hari kebangsaan. Pemilihan perutusan hari kebangsaan juga adalah bertujuan untuk melihat kepada emosi pemimpin dalam menghasilkan satu ideologi pada hari bersejarah negara Malaysia (Abdul Halim Ali dan Abdul Malik, 2021). Ucapan pada hari bersejarah merupakan satu platform yang dinantikan rakyat untuk melihat penggunaan frasa bahasa yang menjelaskan falsafah dan ideologi pemimpin (Tsitsanoudis-Mallidis dan Derveni, 2018).

Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005)

Berdasarkan penelitian teoritis yang dibentangkan dalam bahagian sebelumnya, analisis data akan dijalankan berdasarkan model penilaian, iaitu Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) *The Language of Evaluation: Appraisal in English*. Model ini mengambil kira mengenai cara penulis atau penutur mengekspresikan emosi dan secara tidak langsung mempengaruhi pembaca atau pendengar untuk mengikuti ekspresi emosi penutur. Oleh itu, model Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) memanjangkan pendekatan Halliday, M. A. K. (2004) mengenai mod makna interpersonal yang cenderung kepada tiga sistem asas, iaitu sikap, penghargaan, dan penglibatan.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan sistem sikap (menyusun perasaan seperti yang ditafsirkan dalam teks) kerana memenuhi matlamatnya. Sistem sikap ini merangkumi tiga bidang semantik: kesan (menyatakan perasaan positif dan negatif: gembira, sedih, yakin, cemas, bermimat, bosan dan lain-lain), pertimbangan (menilai orang dan tingkah laku mereka), dan penghargaan (menilai perkara termasuk fenomena alam) (Martin, J. R. dan White, P. R. R., 2005). Kemudian, setiap kawasan semantik dikelaskan kepada subkategori yang ditandakan sebagai sama ada positif (+) atau negatif (-). Berikut merupakan pecahan daripada kategori sikap (*attitude*) yang menjadi landasan penganalisisan data.



Rajah 1: Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005)

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kerangka teoretis Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005), elemen sikap terbahagi kepada tiga, iaitu sikap, penilaian dan penghargaan. Daripada ketiga-tiga pembahagian, bahasa yang terkandung dapat dikelaskan kepada dua, iaitu kata positif dan negatif. Berdasarkan dapatan, kata positif terdiri daripada kesyukuran, pencapaian, keyakinan, harapan, keprihatinan dan kecintaan, manakala kata emotif negatif pula terdiri daripada kesedihan, kebimbangan, dan kerugian (Martin, J. R. dan White, P. R. R., 2005). Perhatikan Jadual 1 bagi menjelaskan penggunaan kata emotif positif dan negatif.

Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Kata emotif dalam Perutusan Hari Kebangsaan Perdana Menteri

| Kata | Emotif | Kekerapan |
|----------------|---------------|------------|
| Positif | Kesyukuran | 24 |
| | Pencapaian | 38 |
| | Keyakinan | 7 |
| | Kecintaan | 13 |
| | Harapan | 49 |
| | Keprihatinan | 28 |
| | Jumlah | 159 |
| Negatif | Kesedihan | 18 |
| | Kebimbangan | 28 |
| | Kerugian | 2 |
| | Jumlah | 48 |

Berdasarkan Jadual 1, statistik menunjukkan bahawa emotif positif harapan mendominasi kekerapan penggunaan, diikuti emotif pencapaian sebanyak 38, keprihatinan sebanyak 28, kesyukuran sebanyak 24, kecintaan 13 dan terakhir ialah keyakinan, iaitu sebanyak 7 kekerapan. Kata negatif beremotifkan kebimbangan dilihat mendominasi kekerapan, iaitu sebanyak 28 kekerapan, kesedihan 18 kekerapan dan yang terakhir ialah kerugian, iaitu mencatat 2 kekerapan. Jadual 2, 3, 4 dan 5 pula merupakan kata emotif dalam perutusan hari kebangsaan mengikut setiap Perdana Menteri Malaysia dari tahun 2019 hingga 2022.

Jadual 2: Kata Emotif Perutusan Hari Kebangsaan Tun Dr. Mahathir Mohamad

| Kata | Emotif | Kekerapan |
|----------------|---------------|-----------|
| Positif | Kesyukuran | 1 |
| | Pencapaian | 6 |
| | Keyakinan | 0 |
| | Kecintaan | 1 |
| | Harapan | 12 |
| | Keprihatinan | 1 |
| | Jumlah | 21 |
| Negatif | Kesedihan | 5 |
| | Kebimbangan | 9 |
| | Kerugian | 0 |
| | Jumlah | 14 |

Jadual 3: Kata Emotif Perutusan Hari Kebangsaan Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin

| Kata | Emotif | Kekerapan | Kata | Emotif | Kekerapan |
|----------------|---------------|-----------|----------------|---------------|-----------|
| Positif | Kesyukuran | 7 | Negatif | Kesedihan | 4 |
| | Pencapaian | 15 | | Kebimbangan | 10 |
| | Keyakinan | 4 | | Kerugian | 1 |
| | Kecintaan | 0 | | | |
| | Harapan | 20 | | | |
| | Keprihatinan | 25 | | | |
| | Jumlah | 71 | | Jumlah | 15 |

Jadual 4: Kata Emotif Perutusan Hari Kebangsaan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang ke-64

| Kata | Emotif | Kekerapan | Kata | Emotif | Kekerapan |
|----------------|---------------|-----------|----------------|---------------|-----------|
| Positif | Kesyukuran | 10 | Negatif | Kesedihan | 5 |
| | Pencapaian | 4 | | Kebimbangan | 3 |
| | Keyakinan | 1 | | Kerugian | 0 |
| | Kecintaan | 8 | | | |
| | Harapan | 11 | | | |
| | Keprihatinan | 2 | | | |
| | Jumlah | 36 | | Jumlah | 8 |

Jadual 5: Kata Emotif Perutusan Hari Kebangsaan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang ke-65

| Kata | Emotif | Kekerapan | Kata | Emotif | Kekerapan |
|----------------|---------------|-----------|----------------|---------------|-----------|
| Positif | Kesyukuran | 6 | Negatif | Kesedihan | 4 |
| | Pencapaian | 13 | | Kebimbangan | 6 |
| | Keyakinan | 2 | | Kerugian | 1 |
| | Kecintaan | 4 | | | |
| | Harapan | 6 | | | |
| | Keprihatinan | 0 | | | |
| | Jumlah | 31 | | Jumlah | 11 |

Berdasarkan Jadual 2, 3, 4 dan 5, jelas menunjukkan bahawa setiap Perdana Menteri menggunakan kepelbagaiannya kata emotif dalam ucapan perutusan hari kebangsaan. Jika diperhatikan, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mencatatkan penggunaan emotif yang paling tinggi, iaitu 71 kata positif dan 15 kata negatif, diikuti oleh Dato Sri Ismail Sabri, iaitu sebanyak 36 kata positif dan 8 kata negatif. Dato Sri Ismail Sabri Yaakob juga mencatat penggunaan emotif yang tinggi, iaitu pada ucapan hari kebangsaan yang ke-65 baru-baru ini, iaitu sebanyak 31 kata positif dan 11 kata negatif, manakala Tun Dr. Mahathir Mohamad mencatat jumlah yang sedikit, iaitu sebanyak 21 kata positif dan 14 kata negatif.

EMOTIF POSITIF

Bahasa emotif positif direalisasi dengan perkataan dan frasa positif yang memberi kesan positif kepada pendengar atau pembaca, iaitu membuatkan pendengar berasa memihak kepada sesuatu idea. Istilah emotif positif ini mempunyai konotasi positif dan mempunyai gambaran mental dan nada yang positif (Martin, J. R. dan White, P. R. R. 2005).

Emotif Positif Kesyukuran

Emotif kesyukuran dapat dilihat melalui penggunaan kata-kata yang bersifat berterima kasih, bersyukur. Perhatikan Jadual 6 bagi melihat penggunaan kata emotif positif kesyukuran.

Jadual 6: Emotif Positif Kesyukuran

| Data | Kesyukuran | Perdana Menteri |
|------|---|------------------------------|
| D1 | Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya dapat kita menyambut dan meraikan sekali lagi Hari Kebangsaan, bersempena dengan Ulang Tahun Kemerdekaan Negara yang ke-62 pada tahun ini. | Tun Dr. Mahathir |
| D2 | Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita zahirkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan nikmat kemerdekaan kepada kita semua selama 64 tahun lamanya. Keluarga Malaysia pada tahun ini menyambut kemerdekaan di atas semangat Malaysia Prihatin. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D3 | Alhamdulillah, kita telah menempa kejayaan dan kemajuan sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Dari sebuah negara yang mundur suatu | Tan Sri Muhyiddin |

| | | |
|----|---|------------------------------|
| | ketika dahulu, kita telah menjadi sebuah negara yang maju dalam pelbagai bidang. | Yassin |
| D4 | Segala puji dan rasa syukur dirafakkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya , Keluarga Malaysia mampu mengecapi nikmat kemerdekaan dalam tempoh 65 tahun lamanya. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |

Jadual 6 memaparkan kata-kata atau frasa emotif positif yang berunsurkan kesyukuran. Dalam D1, D2, D3, dan D4 secara eksplisitnya Perdana Menteri mengungkapkan perkataan syukur (D1 dan D2), alhamdulilah (D2 dan D3) dan segala puji (D4). Penggunaan ungkapan kesyukuran ini sering kali digunakan pada awal ucapan sebagai kata aluan. Ungkapan ini digunakan bagi mengekspresikan emosi berterima kasih dan bersyukur kepada Tuhan atas segala nikmat yang diperoleh. Jika diperhatikan sebagai contoh pada D2, kata emotif positif kesyukuran diungkapkan pada permulaan ucapan, iaitu '**Alhamdulillah**, pertama sekali marilah kita **zahirkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan nikmat kemerdekaan kepada kita semua selama 64 tahun lamanya'.**

Berdasarkan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005), ungkapan berunsurkan emotif positif kesyukuran terkandung dalam kategori kesan (*affect*) di bawah subkategori kebahagiaan (*happiness*). Kata atau frasa yang digunakan ini memberikan kesan positif kepada pendengar seperti alhamdulilah, kesyukuran, nikmat seperti yang terdapat dalam D2. Penggunaan kata emotif positif kesyukuran dapat dilihat melalui kata **alhamdulilah** dan kemudiannya Perdana Menteri mengajak rakyat untuk sama-sama mengekspresikan rasa syukur terhadap nikmat yang diperoleh seperti dalam D2. Secara psikologinya, Perdana Menteri telah mengekspresikan emosi positif kepada khalayak. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian rakyat dan juga cuba untuk mempengaruhi psikologi rakyat. Hal ini sejajar dengan kenyataan Zahraa Adnan Fadhil (2021), yang mengatakan ekspresi emosi awal amat penting dalam mempengaruhi kepercayaan, psikologi, dan fahaman khalayak. Jika pengeksploitasi emosi positif digunakan, maka kesannya amat baik dalam mempengaruhi khalayak. Berbeza dengan pengeksploitasi emosi negatif, khalayak pastinya akan menunjukkan reaksi marah, tidak selesa dan sebagainya. Justeru, penggunaan kata emotif positif yang digunakan oleh Perdana Menteri ini merupakan satu strategi yang baik dan berkesan dalam usaha untuk mempengaruhi dan menarik perhatian khalayak (Azhar Md. Sabil et, al. 2021).

Emotif Positif Pencapaian

Strategi ucapan menggunakan elemen pencapaian merupakan satu tindakan dan kesan yang positif. Hal ini sejajar dengan pendapat Macagno, F. dan Walton, D. (2014) yang mengatakan bahawa salah satu daya penarik kepada khalayak adalah melalui pencapaian, kejayaan dan keupayaan penutur agar pendengar mendapat gambaran mengenai hasil kerja penutur (Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Nor Azuwan Yaacob, 2018). Secara tidak langsung, strategi ini dapat memberi kesan yang positif kepada pendengar untuk terus mengikuti pandangan penutur.

Jadual 7: Emotif Positif Pencapaian

| Data | Pencapaian | Perdana Menteri |
|------|--|------------------------------|
| D5 | Tanpa nilai-nilai tersebut Malaysia tidak akan membesar menjadi negara maju yang berkeupayaan memberi kepada rakyatnya keselesaan dan kemajuan . Kemajuan ini tidak banyak kurangnya dari apa yang terdapat di negara-negara lain malahan, ada ketikanya, apa yang kita rasai di sini jauh lebih besar nikmatnya . | Tun Dr. Mahathir Mohamad |
| D6 | Sempena hari kemerdekaan ini, kita perlu terus berjuang memerangi pandemik COVID-19, sebagai musuh yang paling utama. Kejayaan ini akan membolehkan kita membuka jalan pemulihan ekonomi negara dalam norma baharu . Ekonomi wajar dipulihkan, kesejahteraan rakyat perlu ditingkatkan, keyakinan pelabur harus dikembalikan. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D7 | Alhamdulillah, kita telah menempa kejayaan dan kemajuan sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat . Dari sebuah negara yang mundur suatu ketika dahulu, kita telah menjadi sebuah negara yang maju dalam pelbagai | Tan Sri Muhyiddin Yassin |

| | bidang. | |
|----|---|------------------------------|
| D8 | Malaysia kini signifikan di mata dunia, malah telah membuktikan pencapaian ekonomi dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), sebanyak 8.9 peratus bagi suku kedua tahun ini. Pencapaian yang direkodkan ini merupakan yang terbaik di Asia Tenggara. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D9 | Perkembangan ekonomi yang memberangsangkan pada hari ini antara lain adalah hasil daripada dasar fiskal yang mengembang melalui Bajet 2022, dasar monetari yang kekal akomodatif serta pembukaan semula ekonomi sepenuhnya dan sempadan antarabangsa. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |

Berdasarkan Jadual 7, D5, D6, D7, D8 dan D9 memaparkan emotif positif pencapaian yang digunakan oleh Perdana Menteri. Secara eksplisitnya, setiap Perdana Menteri menggunakan strategi ini dalam perutusan hari kebangsaan. Pastinya menjadi persoalan yang menunjukkan bahawa kerelevan unsur pencapaian dimasukkan dalam ucapan hari kebangsaan. Pencapaian ekonomi, sosial dan sebagainya sering kali diutarakan dan dipersembahkan pada waktu yang berlainan. Di sini dapat dilihat bahawa strategi penggunaan emosi positif pencapaian secara tidak langsung dapat memberikan gambaran bahawa kerajaan berada dalam keadaan stabil dari sudut ekonomi, sosial dan sebagainya. Secara implisitnya, penggunaan emosi positif pencapaian mengekspresikan sifat interpersonal penutur dalam menyampaikan ucapannya.

Berdasarkan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005), penggunaan emosi positif pencapaian terkandung dalam kategori penghargaan (*appreciation*) di bawah subkategori reaksi (*reaction*), komposisi (*composition*) dan penilaian (*valuation*). Hal ini dapat diperhatikan melalui ucapan dan penggunaan kata-kata emotif pencapaian. Ucapan dalam D8 misalnya, secara eksplisit Perdana Menteri menggunakan kata yang menjelaskan keadaan negara yang kian stabil dari sudut ekonomi. Penggunaan kata-kata positif seperti pencapaian ekonomi, pertumbuhan, dan terbaik merupakan satu interpersonal penutur dalam memberikan gambaran positif kepada pendengar. Dengan pengaplikasian dan pengeksploitasi kata positif, secara tidak langsung dapat menjelaskan pemikiran dan kehendak penutur (Mohd. Asyraf Mohd Farique dan Mohd. Aiman Mohd. Fauzi, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri amat mementingkan kestabilan ekonomi dan tidak mahu rakyat bimbang akan kegawatan ekonomi. Justeru, penjelasan mengenai unsur pencapaian dalam ucapan hari kebangsaan adalah bertujuan untuk mengurangkan kegelisahan dan menjelaskan keadaan ekonomi pada masa kini. Jika diperhatikan dalam D8, pengeksploitasi emosi, iaitu yang terbaik di Asia merupakan satu bentuk pencapaian yang memberangsangkan dan dapat meredakan kegelisahan rakyat. Di sini dapat dilihat bahawa Perdana Menteri telah mengeksploitasi emosi rakyat dengan menggunakan bentuk pencapaian agar meraih sokongan rakyat. Secara jelasnya, pengaplikasian Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) penggunaan kata positif pencapaian ini tergolong dalam subkategori reaksi, komposisi dan penilaian. Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) menjelaskan bahawa penggunaan kata emotif positif yang berunsurkan pencapaian, keupayaan secara jelas dan konkret dapat menarik dan mempengaruhi pemikiran seseorang. Hal ini demikian kerana setiap penilaian yang dihasilkan akan memberikan komposisi dan reaksi yang positif daripada pendengar. Penilaian terhasil melalui reaksi yang diberikan. Justeru, pengaplikasian emotif positif dalam ucapan hari kebangsaan oleh Perdana Menteri merupakan satu bentuk pengaplikasian yang tepat dan positif bagi memperoleh reaksi dan penilaian positif daripada rakyat (Rahardi, 2020).

Emotif Positif Keyakinan

Emotif keyakinan merupakan satu strategi yang digunakan untuk meyakinkan khalayak. Dalam usaha ke arah mencapai pengeksploitasi emosi, penutur memerlukan pelbagai kaedah dan strategi yang kukuh dalam memberikan keyakinan kepada pendengar. Penggunaan emotif keyakinan ini memerlukan teknik yang tepat dalam penyampaian agar pendengar dapat memahami kehendak penutur. Justeru, Jadual 8 merupakan emotif positif keyakinan yang terdapat dalam ucapan perutusan hari kebangsaan oleh Perdana Menteri.

Jadual 8: Emotif Positif Keyakinan

| Data | Keyakinan | Perdana Menteri |
|------|--|------------------------------|
| 10 | Yakinlah bahawa hanya melalui kerjasama penuh daripada semua pihak, perperangan melawan pandemik COVID-19 akan berakhir dengan kemenangan. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D11 | Saya sedar banyak sektor ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 dan akan mengambil sedikit masa untuk pulih sepenuhnya. Tetapi saya yakin, sekiranya trend pemulihan ekonomi berterusan ekonomi negara kita akan pulih lebih cepat. | Tan Sri Muhyiddin Yassin |
| D12 | Keyakinan kepada ekonomi negara juga jelas dalam kalangan pelabur antarabangsa. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |

Berdasarkan Jadual 8, penggunaan emotif keyakinan juga dapat dikenal pasti. Secara teknikalnya, Perdana Menteri menggunakan kata yang jelas dan tepat dalam menghasilkan satu bentuk frasa keyakinan. Penggunaan kata ‘yakin’ jelas dapat mempengaruhi dan memberikan keyakinan kepada rakyat sebagai pendengar. Penggunaan emotif keyakinan ini adalah bertujuan untuk menarik dan menuntut pendengar untuk yakin kepada tumpuk kepimpinan kerajaan pada masa kini. Unsur keyakinan ini sering kali dieksplorasi melalui sektor ekonomi. Pada masa kini, seluruh dunia mengalami kegawatan ekonomi dan banyak sektor ekonomi mengalami kesan (Mohd. Asyraf Mohd. Farique dan Mohd. Aiman Mohd. Fauzi, 2021). Malaysia juga mengalami kesan yang banyak oleh kegawatan ekonomi. Justeru, penggunaan emotif keyakinan yang digunakan oleh Perdana Menteri secara tidak langsung dapat menarik perhatian dan keyakinan rakyat. Menurut Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005), emotif keyakinan terkandung dalam subkategori kesan (*affect*) dan penilaian (*judgement*). Hal ini demikian kerana dalam menghasilkan dan menarik keyakinan rakyat, besar kemungkinan terdapat pelbagai kesan yang dihasilkan dan juga penilaian prestasi, ekonomi dan aspek lain.

Dari sudut kesan, terdapat rakyat yang kurang gembira akan keadaan ekonomi semasa dan berasa tidak selamat walaupun mempunyai syarikat sendiri. Oleh itu, dalam D12 yang secara implisitnya dapat memberikan pelbagai kesan negatif melalui ujaran **‘Keyakinan kepada ekonomi negara juga jelas’**. Ujaran ini secara implisitnya memberikan keraguan, kegelisahan dan rasa kurang selamat dalam ekonomi kini. Justeru, keyakinan bukanlah satu strategi yang mudah untuk menarik dan memberikan keyakinan penuh kepada kerajaan mengenai strategi yang diaplikasikan dalam memulihkan ekonomi negara. Dari sudut penilaian pula, penggunaan strategi keyakinan dilihat satu perjudian yang besar kerana strategi ini amat sukar untuk menerima penilaian yang positif. Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) menjelaskan bahawa dalam penghasilan penilaian, penutur perlu menerima pelbagai kritikan, tanggapan, tuduhan, dan sebagainya bagi melihat kepada hasil yang diterima berdasarkan ucapan atau tindakan. Justeru, penggunaan emotif keyakinan ini merupakan satu perjudian besar oleh Perdana Menteri dalam menuntut dan menerima pelbagai penilaian dan kesan daripada penggunaan emotif ini.

Emotif Positif Kecintaan

Frasa atau perkataan kecintaan yang memaparkan emotif positif kecintaan dilihat diaplikasikan dalam ucapan Perdana Menteri. Frasa ini digunakan bagi merujuk kepada sesuatu perasaan kecintaan dan kegembiraan. Jadual 9 memaparkan frasa yang digunakan dalam ucapan Perdana Menteri.

Jadual 9: Emotif Positif Kecintaan

| Data | Kecintaan | Perdana Menteri |
|------|---|------------------------------|
| D13 | Kita meraikan sambutan kemerdekaan atas semangat Keluarga Malaysia - Teguh Bersama | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D14 | Wawasan Kemakmuran Bersama adalah usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap peringkat rantaian nilai, kelas, kaum dan geografi sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan | Tun Dr. Mahathir Mohamad |

| | | |
|-----|---|------------------------------|
| | kestabilan dalam kalangan rakyat menjelang tahun 2030. | |
| D15 | Semangat perjuangan yang tumbuh daripada anak-anak bumi bertuah ini tidak pernah patah atau luntur. Malah, ia sentiasa bercambah dan semakin kukuh sepetimana yang kita warisi kini. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D16 | Biarpun ia sering diperkatakan, namun lumrah sesuatu yang penting, ia perlu diulang-ulang, agar sentiasa terpahat dalam fikiran kita, terutamanya untuk anak-anak muda. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |

Jadual 9 menunjukkan penggunaan emotif positif kecintaan yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia. Dalam ucapan hari kebangsaan pastinya akan ada unsur-unsur emotif kecintaan terhadap tanah air, bangsa dan juga agama. Penggunaan dan pengaplikasian kata emotif kecintaan akan memberikan kesan emotif yang secara tidak langsung dapat meningkatkan jati diri rakyat. Jika diperhatikan penggunaan kata-kata emotif ini dapat dijelmakan melalui **semangat Keluarga Malaysia – teguh bersama** (D13), **Wawasan Kemakmuran Bersama** (D14), **rasa keharmonian dan kestabilan dalam kalangan rakyat menjelang tahun 2030** (D14), **Semangat perjuangan yang tumbuh daripada anak-anak bumi bertuah ini tidak pernah patah atau luntur** (D15) dan **perlu diulang-ulang, agar sentiasa terpahat dalam fikiran kita, terutamanya untuk anak-anak muda** (D16). Penggunaan kata-kata emotif ini secara implisitnya mencerminkan kecintaan kepada tanah air dan juga bangsa. Sebagai contoh D15 yang memaparkan penggunaan kata semangat perjuangan dan sentiasa bercambah dan semakin kukuh merupakan frasa yang kecintaan yang digunakan oleh Perdana Menteri. Penggunaan frasa kecintaan ini secara tidak langsung dapat menimbulkan dan meningkatkan jati diri anak muda khususnya dan umumnya rakyat Malaysia. Menyemarakkan rasa cinta pada hari kebangsaan merupakan strategi yang terbaik bagi menyedarkan rakyat kepentingan semangat patriotik dalam diri. Penggunaan frasa kecintaan ini perlu jelas, tekal, konsisten, dan efektif bagi membangkitkan semangat dan kepaduan dalam diri. Justeru, penggunaan frasa kecintaan ini perlu digunakan secara konsisten bagi menghidupkan semangat dalam diri rakyat yang kian pudar.

Emotif Positif Harapan

Emotif positif harapan memaparkan sesuatu kehendak atau keinginan penutur difahami dan diikuti oleh pendengar. Harapan juga memperlihatkan visi penutur untuk mencapai misinya ataupun untuk merealisasikan ideologi, fahaman, falsafah dan kehendaknya. Justeru, Jadual 10 memaparkan frasa dan perkataan emotif positif harapan yang digunakan dalam ucapan Perdana Menteri.

Jadual 10: Emotif Positif Harapan

| Data | Harapan | Perdana Menteri |
|------|--|------------------------------|
| D17 | Saya amat mengharapkan ketika kita menyambut kemerdekaan ini, kesemua rakyat Malaysia, tidak kira apa agama, bangsa dan budaya akan dapat mendalami diri masing-masing dan mencari semangat setiaawan dan kenegaraan yang membantu kita capai kemerdekaan dan membangunkan negara sehingga menjadi negara yang berjaya. | Tun Dr. Mahathir Mohamad |
| D18 | Adat bersaudara, saudara dipertahankan; Adat berkeluarga, keluarga dilindungi; Adat berkampung, kampung dijaga; Adat berbangsa, perpaduan bangsa diutamakan; Sesungguhnya kita semua satu keluarga; Keluarga Malaysia penyambung warisan. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D19 | Saya amat berharap, hasil kerjasama daripada kita semua, tahun ini menjadi tahun terakhir kita merayakan Sambutan Hari Kemerdekaan dalam suasana peperangan melawan pandemik COVID-19. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D20 | Inilah amanah besar yang mesti dipikul oleh saya dan saudara-saudari semua. Kita mestikekalkan kemerdekaan negara kita. Kita mesti pertahankan kedaulatan negara kita. Kita mesti pelihara keamanan negara kita. Kita mesti tegakkan keadilan dan pelihara kebebasan rakyat. Kita mesti pastikan seluruh warga tanah air tercinta ini sejahtera dan sentosa selama-lamanya. | Tan Sri Muhyiddin Yassin |

Berdasarkan Jadual 10, penggunaan frasa atau kata harapan secara eksplisitnya jelas dinyatakan dalam keempat-empat Perdana Menteri. Penggunaan frasa dan kata emotif harapan dijelaskan seperti dalam D17. Frasa emotif harapan dalam D17, iaitu ‘**mengharapkan ketika kita menyambut kemerdekaan ini, kesemua rakyat Malaysia, tidak kira apa agama, bangsa dan budaya akan dapat mendalam diri masing-masing dan mencari semangat setiaawan dan kenegaraan yang membantu kita capai kemerdekaan dan membangunkan negara sehingga menjadi negara yang berjaya**’. Dalam menyampaikan harapan, penutur sering menggunakan unsur emotif yang secara tidak langsung dapat mengeksploitasi emosi pendengar.

Secara dasarnya, Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005), telah mengelaskan emotif harapan di bawah kategori penilaian (*judgement*). Penggunaan perkataan yang terkandung dalam penilaian (*judgement*) seperti perkataan mencari semangat setiaawan, mencapai kemerdekaan dan membangunkan negara dijelaskan di bawah subkategori jati diri sosial (*social esteem*). Hal ini menjelaskan bahawa dalam menyampaikan harapan, penutur secara tidak langsung menghasilkan satu bentuk jati diri yang menuntut pendengar untuk meningkatkan jati diri dan juga berusaha untuk mengapai segala harapan yang diharapkan.

Emotif Positif Keprihatinan

Dalam menghasilkan emotif keprihatinan, penutur sering memasukkan elemen emosi bagi mewujudkan rasa dan emosi dalam ucapannya. Emotif keprihatinan dapat dijelaskan dalam sesuatu peristiwa yang menuntut penutur untuk menghasilkan dan memancing tumpuan pendengar terhadap perkara yang hendak disampaikan. Strategi ini sering digunakan bagi melihatkan keprihatinan penutur kepada pendengar. Secara tidak langsung pendengar berjaya dimanipulasi dari sudut tumpuan, pemikiran dan juga emosi (Norwati Mohd. Zain dan Hishamudin Isam, 2019) . Jadual 12 memaparkan emotif positif keprihatinan dalam ucapan Perdana Menteri.

Jadual 12: Emotif Positif Keprihatinan

| Data | Keprihatinan | Perdana Menteri |
|------|---|------------------------------|
| D21 | Sesungguhnya, jika kita benar-benar ikhlas, kita akan sedar betapa besar nikmat yang ada di dalam Negara kita ini. Jika kita mempunyai kesedaran itu, kita akan mencari jalan dan berusaha sedaya mungkin untuk mempertahankannya. | Tun Dr. Mahathir Mohamad |
| D22 | Kejayaan ini akan membolehkan kita membuka jalan pemulihan ekonomi negara dalam norma baharu. Ekonomi wajar dipulihkan, kesejahteraan rakyat perlu ditingkatkan, keyakinan pelabur harus dikembalikan. | Dato Sri Ismail Sabri Yaakob |
| D23 | Saya sedar tentang perkara ini. Kerana itu, ketika wabak COVID 19 mula melanda negara dan sektor-sektor ekonomi ditutup, perkara pertama yang dilakukan oleh kerajaan ialah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat. Kita sediakan Bantuan Prihatin Nasional, moratorium bayaran pinjaman bank, bantuan kemudahan khas untuk perusahaan kecil dan sederhana, subsidi upah dan lain-lain bentuk bantuan berjumlah RM260 bilion keseluruhannya untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. | Tan Sri Muhyiddin Yassin |
| D24 | Para frontliners kita bekerja siang dan malam melawan wabak COVID-19 kerana mereka semua prihatin. Para sukarelawan sedia membantu mengagihkan bantuan makanan, menyediakan peralatan perlindungan peribadi dan lain-lain kerana mereka prihatin. Saudara dan saudari juga mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan untuk melindungi diri, keluarga dan orang sekeling kerana saudara dan saudari semua prihatin. Kita rakyat Malaysia prihatin terhadap satu sama lain. | Tan Sri Muhyiddin Yassin |

Jadual 12 memaparkan penggunaan kata emotif positif keprihatinan yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia. Secara implisitnya, penggunaan kata emotif ini dihasilkan menggunakan strategi berbahasa secara kiasan dan halus bagi menzahirkan satu bentuk keprihatinan tanpa sedar. Jika diamati setiap penggunaan kata, tiada penggunaan kata ‘prihatin’ dilafazkan secara langsung kecuali dalam

D24. Sebagai contoh D23 menggunakan kata emotif prihatin secara implisit. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan kata-kata seperti menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat dan kita sediakan Bantuan Prihatin Nasional, morotarium bayaran pinjaman bank, bantuan kemudahan khas untuk perusahaan kecil dan sederhana, subsidi upah dan lain-lain bentuk bantuan berjumlah RM260 bilion keseluruhannya untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. D23 secara jelasnya menyatakan satu bentuk keprihatinan berdasarkan penggunaan kata emotif yang dinyatakan.

Berdasarkan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) penggunaan kata emotif keprihatinan ini tergolong dalam kategori penilaian (*judgement*). Menurut Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) penggunaan kata emotif yang menunjukkan belas kasihan, prihatin, tanggungjawab terkandung di bawah kategori penilaian (*judgement*) dan penghargaan (*appreciation*). Emotif positif keprihatinan ini dapat dikelaskan di bawah kategori penilaian dan penghargaan adalah kerana keupayaan, kemampuan, ketabahan, reaksi dan penilaian daripada pelbagai aspek. Penilaian sering diaplikasikan dan dinilai oleh penutur, manakala penghargaan adalah daripada pendengar. Dari sudut penilaian pula, kata emotif positif juga disubkategorikan di bahagian kapasiti atau kemampuan dan ketabahan. Subkategori ini diberikan adalah kerana penggunaan kata emotif yang menggambarkan kemampuan penutur dalam menghasilkan bentuk keprihatinan dan ketabahan adalah merujuk kepada usaha penutur untuk memenuhi tuntutan pendengar. Dari sudut penghargaan pula, kata emotif positif keprihatinan disubkategorikan di bahagian reaksi, dan penilaian. Subkategori ini diberikan adalah untuk melihat reaksi pendengar mengenai kata positif yang diberikan seperti D23, manakala dari sudut penilaian pula reaksi pendengar akan menghasilkan satu bentuk penilaian yang berbeza mengikut kepada pentafsiran pendengar. Daripada kata emotif positif yang diberikan, maka akan terhasilah pelbagai reaksi dan penilaian daripada pendengar mengenai kata dan frasa yang disampaikan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, jelaslah bahawa setiap kata dan frasa yang dihasilkan memberikan impak yang pelbagai berdasarkan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005). Dalam perbincangan ini, pengkaji akan memberikan satu ringkasan berdasarkan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) yang memberikan gambaran bahawa setiap kata dan frasa yang dihasilkan akan dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu kesan (*affect*), penilaian (*judgement*) dan penghargaan (*appreciation*). Setiap kategori pula akan dibahagikan kepada subkategori yang telah dijelaskan dalam Rajah 1 sebelum ini. Untuk keterangan, perhatikan Jadual 13 yang dirumuskan berdasarkan ucapan Perdana Menteri mengikut kepada Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005).

Jadual 13: Kata dan Frasa Emotif Positif dan Padanannya Berdasarkan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005)

| Item | Kesan | Penilaian | Penghargaan |
|--|--------------|--------------------|-------------|
| | Jenis | Jenis | Jenis |
| D25 Tempat yang amat bersejarah | +Penghargaan | + jati diri sosial | + komposisi |
| D26 Dengan limpah rahmat Allah | + Kesyukuran | + sekatan sosial | + reaksi |
| D27 Satu nikmat yang besar | + Kesyukuran | + keratan sosial | + reaksi |
| D28 Alhamdulilah | + Kesyukuran | + normaliti | + reaksi |
| D29 Bersyukur | + Kesyukuran | + sekatan sosial | + reaksi |
| D30 Mengisyiharkan pemasyhuran | + Pencapaian | + jati diri sosial | + komposisi |
| D31 Kebebasan dan keadilan | + Pencapaian | +ketabahan | + reaksi |
| D32 Kesejahteraan dan kesentosaan | + Pencapaian | +kebenaran | + penilaian |
| D33 Membuka lembaran baharu | + Pencapaian | +kesesuaian | + reaksi |
| D34 Negara yang merdeka, bebas dan berdaulat | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D35 Dijajah ratusan tahun | + Kesedihan | + kebenaran | + reaksi |
| D36 Mendapat kembali hak | + Pencapaian | +kemampuan | + reaksi |
| D37 Menentukan nasib diri kita | + Harapan | + ketabahan | + penilaian |
| D38 Kekal merdeka dan berdaulat | + Harapan | +kemampuan | + penilaian |

| | | | |
|--|----------------|--------------------|-------------|
| D39 Seluruh rakyatnya aman, sejahtera dan sentosa | + Harapan | +kebenaran | + reaksi |
| D40 Amanah besar | + Harapan | + normaliti | + penilaian |
| D41 Mestikekalkan kemerdekaan | + Harapan | + jati diri sosial | + reaksi |
| D42 Mesti pelihara keamanan negara. | + Harapan | + jati diri sosial | + reaksi |
| D43 Tegakkan keadilan | + Harapan | + jati diri sosial | + reaksi |
| D44 Pelihara kebebasan rakyat | + Harapan | + jati diri sosial | + reaksi |
| D45 Pastikan seluruh warga tanah air tercinta sejahtera dan sentosa | + Harapan | + jati diri sosial | + penilaian |
| D46 Menempa kejayaan dan kemajuan | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D47 Negara yang merdeka dan berdaulat | + Pencapaian | + jati diri sosial | + penilaian |
| D48 Dari sebuah negara yang mundur | + Kesedihan | + sekatan sosial | + penilaian |
| D49 Menjadi sebuah negara yang maju | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D50 Kekal aman dan damai | + Pencapaian | + jati diri sosial | + penilaian |
| D51 Perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama | + Pencapaian | + jati diri sosial | + penilaian |
| D52 Kita bersatu hati dan berbangga | + Pencapaian | + jati diri sosial | + penilaian |
| D53 Pencapaian kita, pencapaian saudara dan saudari | + Pencapaian | + sekatan sosial | + reaksi |
| D54 Cabaran yang kita hadapi | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + komposisi |
| D55 Mesti terus dibangunkan | + Harapan | +kemampuan | + komposisi |
| D56 Kemajuan | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D57 Pertumbuhan ekonomi | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D58 Indeks bursa saham | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D59 Sumber pendapatan dan kualiti hidup | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D60 Sumber pendapatan yang mencukupi | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D61 Kediaman yang selesa | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D62 Pendidikan yang sempurna | + Pencapaian | +kemampuan | + penilaian |
| D63 Kesihatan yang baik | + Harapan | + normaliti | + penilaian |
| D64 Alam sekitar yang lestari | + Harapan | + jati diri sosial | + penilaian |
| D65 Keselamatan yang sentiasa terpelihara | + Harapan | + jati diri sosial | + penilaian |
| D66 Menjalani kehidupan yang bahagia dan sejahtera | + Harapan | + sekatan sosial | + reaksi |
| D67 Tidak semua rakyat di negara ini bernasib baik | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + penilaian |
| D68 Terpaksa melakukan dua tiga pekerjaan | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + komposisi |
| D69 Ramai yang tidak mempunyai simpanan | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + penilaian |
| D70 Mungkin ada yang boleh bertahan selama sebulan atau dua bulan | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + penilaian |
| D71 Mereka terpaksa berhutang dan bergolok gadai | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + reaksi |
| D72 Sektor ekonomi ditutup | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + penilaian |
| D73 Menyediakan pelbagai bentuk bantuan | + Keprihatinan | + jati diri sosial | + reaksi |
| D74 Bantuan Prihatin Nasional | + Keprihatinan | + jati diri sosial | + reaksi |
| D75 Moratorium bayaran pinjaman bank | + Keprihatinan | + sekatan sosial | + reaksi |
| D76 Bantuan kemudahan khas | + Keprihatinan | + jati diri sosial | + reaksi |
| D77 Meringankan beban rakyat | + Keprihatinan | + jati diri sosial | + komposisi |
| D78 Malaysia kerugian RM2.4 bilion | + Kerugian | + sekatan sosial | + penilaian |
| D79 Ekonomi negara akan runtuh | +Kebimbangan | + sekatan sosial | + penilaian |
| D80 Ramai yang akan kehilangan pekerjaan dan mata pencarian | +kebimbangan | + sekatan sosial | + reaksi |

Berdasarkan Jadual 13 dapat dijelaskan bahawa setiap kata dan frasa emotif positif mengandungi padanannya dan bersesuaian dengan Model Penilaian Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005). Setiap ujaran yang dihasilkan Perdana Menteri yang mengandungi emotif positif dilihat memberikan kesan, penilaian dan penghargaan kepada pendengar. Secara rumusannya, dapat dilihat bahawa kata dan frasa emotif yang dihasilkan bersesuaian dengan model yang digunakan. Selain itu juga, kredibiliti model ini juga berjaya menghasilkan satu analisis yang bertepatan objektif kajian. Secara keseluruhannya, landasan teori yang digunakan untuk menjalankan analisis dapat mencapai objektif dan matlamat kajian ini. Berdasarkan Jadual 13 juga, penggunaan simbol [+] dan [-] juga dikenali sebagai fitur distingtif adalah bertujuan untuk memperlihatkan kewujudan elemen dalam bahasa emotif yang digunakan. Sebagai contoh D67 mempunyai fitur [+kebimbangan], [+sekatan sosial] dan [+penilaian]. hamdiPengenalpastian elemen yang terkandung dalam D67 adalah berdasarkan bahasa emotif yang digunakan dan konteks yang melatarinya. Dalam D67 juga elemen seperti [-keprihatinan], [-jati diri sosial] dan [-reaksi]. Fitur [-] dapat dijelaskan sebagai elemen yang tidak terdapat dalam sesuatu bahasa emotif.

Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan implikasi yang besar dalam bidang bahasa Melayu dan juga dalam memaparkan kredibiliti Perdana Menteri. Bahasa emotif sangat berkepentingan dalam menyampaikan sesuatu maklumat walaupun bersifat emotif. Hal ini demikian kerana pemerolehan maklumat oleh pendengar dapat disampaikan jika terdapatnya unsur-unsur emotif. Secara kasarnya, unsur emotif sangat berpengaruh walaupun hanya menyampaikan satu perkataan, frasa ataupun klausa (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd. Firdaus Che Yaacob, 2020) Melalui bahasa emotif ini, pendengar secara tidak langsung akan dipengaruhi dan dieksloitasi emosinya agar bertindak seperti tuntutan penutur. Dengan adanya bahasa emotif ini, penutur dapat menyampaikan pemikiran, falsafah dan ideologi yang perlu dipenuhi oleh pendengar.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, kajian ini adalah untuk melihat penggunaan kata emotif yang dihasilkan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan hari kebangsaan. Kata emotif yang dihasilkan membentuk pelbagai takrifan dan ideologi yang cuba dibawa dan mempengaruhi pendengar. Hasil kajian mendapati bahawa kata emotif yang dihasilkan memberikan kesan yang mendalam dalam menyampaikan satu bentuk ideologi, kehendak, reaksi, penilaian dan tafsiran kepada pendengar. Secara tuntasnya, setiap kata emotif yang dihasilkan dapat mengeksloitasi emosi pendengar dan seterusnya dipengaruhi dan bertindak mengikut kehendak penutur.

RUJUKAN

- Abd. Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim. (2019). Lakuan Ekspresif Tun Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet.cc. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 4, Issue 5. Page 19 – 27.
- Absattar. A., Mambetova. M. dan Zhubay. O. (2022). The Potential Of Emotive Language To Influence The Understanding Of Textual Information In Media Coverage. *Humanities & Social Sciences Communications*.
- Abdul Halim Ali dan Abdul Malik. (2021). Ciri-Ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol. 12. No. 1 (2021). Pg. 26 – 39.
- Azhar Md. Sabil, Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman, Rozita Radiah Said, Tajularipin Sulaiman dan Zarien Nurleyana Aminuddin. (2021). Penerapan Kemahiran Insaniah Bagi Domain Afektif Kemahiran Komunikasi, Sepanjang Hayat, Sosial dan Kepimpinan untuk Kemenjadian Siswa Universiti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol. 12. No. 1. Pg. 105 – 119.

- Crabtree. C. Golder, M. Gschwend, T dan Indridason, I. H. (2019). Its Not Only What You Say, It's How You Say It: The Strategic Use of Campaign Sentiment. *Political Science Research and Methods*. Vol. 2. No. 1. Pg. 50 – 105.
- Gschwend, T. (2019). Its Not Only What You Say, Its Also How You Say It: The Strategic Use of Campaign Sentiment. *The Journal of Politics*.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar*. Oxford: Oxford University Press.
- Hamdi Khalis Kadri, Nidana Yahya dan Farahnaz Khalib. (2020). Emotive Language in Online News: The Case of Awani News Channel. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*. Vol. 2. No. 2.
- Rahardi. R. K. (2020). Variasi Maksud Kata Emotif “Wela” dalam Bahasa Jawa: Perspektif Sosiopragmatik. *RANAH: Jurnal Kajian Bahasa*. Vol. 9. No. 2. Pg 246 – 259.
- Macagno, F. dan Walton, D. (2014). *Emotif Language in Argumentation*. New York: Cambridge University Press.
- Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005). *The Language of Evaluation: Appraisal in English*. London. Palgrave Macmillan.
- Mohd. Asyraf Mohd. Farique dan Mohd. Aiman Mohd. Fauzi. (2021). Implikasi Pandemik COVID-19 Terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. *IJISTRA: International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*. Vol. 2, No. 2.
- Norwati Mohd. Zain dan Hishamudin Isam. (2019). Emoji dan Ekspresi dalam Kalangan Komuniti Siber. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol. 10 (2019). Pg. 12 – 23.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Nor Azuwan Yaakob. (2018). Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif. *Jurnal Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Tsitsanoudis-Mallidis, N. (2018). Emotive Language. *INTERFACE: Journal of European Languages and Literature*. Issue 6.
- Tsitsanoudis-Mallidis, N., dan Derveni, E. (2018). Emotive Language: Linguistic Depictions Of The Three Year-Old Drowned Refugee Boy In The Greek Journalistic Discourse. *INTERFACE: Journal of European Languages and Literatures*, Vol 6, No 1.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol. 11. No. 2 (2020). Pg. 126 – 140.
- Zahraa Adnan Fadhil. (2021). Emotive Language in Political Discourse: A Linguistic Study. *Multicultural Education*. Volume 7, Issue 10, 2021.